



IBU PEJABAT
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA
ARAS 3-5, NO. 26, JALAN TUN HUSSEIN,
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62100 PUTRAJAYA

Telefon
Faks
Laman Web

: 03 8000 8000
: 03 8881 0293
: www.jpj.gov.my



Ruj. Kami: JPJ.BC.100-15/4/19. Jld.2 (96)

Tarikh : 6 Mac 2024

YBrs. Encik Zahid bin Ismail

Ketua Pengarah

Perbadanan Produktiviti Malaysia

Jalan Sultan, PJS 52

46200 PETALING JAYA

YBrs. Tuan,

**KEPUTUSAN PERMOHONAN PENGECEUALIAN FI BAGI SETIAP TRANSAKSI
DALAM TEMPOH *PROOF OF CONCEPT* (POC) UNTUK PROJEK UJIKAJI
PERATURAN PERKONGSIAN DATA ANTARA INDUSTRI DAN BADAN
KAWAL SELIA BERKENAAN PENGANGKUTAN BAHAN KIMIA MELALUI
JALAN RAYA MELALUI KAEDAH PENGINTEGRASIAN OLEH PERBADANAN
PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) DAN NEXUS PRODUKTIVITI KIMIA (CPN)**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara yang tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, setelah diteliti dengan terperinci mengenai perkara ini, maka permohonan pengecualian fi bagi setiap transaksi dalam tempoh *proof of concept* (POC) untuk projek ujikaji peraturan perkongsian data antara industri dan badan kawal selia berkenaan pengangkutan bahan kimia melalui jalan raya melalui kaedah pengintegrasian oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dan Nexus Produktiviti Kimia (CPN), telah diberi pertimbangan sewajarnya oleh pihak Jabatan ini dengan syarat dan terma seperti berikut:

- (a) pengecualian fi sepenuhnya dalam tempoh POC selama empat (4) minggu sahaja; dan
- (b) data yang digunakan adalah secara *dummy data* sahaja iaitu tidak menggunakan data sebenar dari pangkalan data MySIKAP.

3. Seterusnya, pelaksanaan proses pengintegrasian ini juga adalah tertakluk kepada hasil perbincangan teknikal di antara pihak tuan bersama Bahagian Teknologi Digital, JPJ, kelak.

4. Kesudian pihak tuan dalam usaha kolaborasi untuk melaksanakan *Smart Partnership* - Integrasi antara Jabatan dalam penyaluran maklumat, bagi membolehkan proses penghantaran data secara *end to end process* serta memastikan keintegritian data terpelihara daripada dimanipulasi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab sekiranya penyaluran dilaksanakan secara manual adalah amat dihargai.

Sekian terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"MESRA, CEKAP, TELUS"



(MOHAMMAD ZAKHIR BIN YUSOF)
Pengarah
Bahagian Korporat dan Perancangan Strategik
b.p. Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan
Malaysia

Edaran Dalaman:

- i. YBhg. Datuk KP
- ii. YBrs. TKP (O)
- iii. YBrs. TKP (P)
- iv. YBhg. Datuk P (K)